

Headline	Piala Sumbangsih bonus UniKL: Arul		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	12 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Sukan	Page No	45
ArticleSize	138 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,006		



# Piala Sumbangsih bonus UniKL: Arul

**Kuala Lumpur:** Jurulatih pasukan Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Arul Selvaraj menyifatkan kejayaan menjulung Piala Sumbangsih sebagai bonus buat pasukannya.

UniKL merangkul kejuaraan trofi pembukaan musim itu selepas menewaskan pemenang musim lalu, Pasukan Hoki Terengganu (THT) 3-2 di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, kelmarin.

Namun, Arul menjelaskan pasukannya tetap mempunyai misi mencapai sasaran yang ditetapkan pengurusan tertinggi pasukan iaitu merangkul dua piala musim ini.

“Sasaran pihak pengurusan adalah menjuarai liga dan Piala TNB, ini (Piala Sumbangsih) adalah bonus. Kalau boleh nak (capai sasaran), itu memang matlamat kita.

“Saya rasa dengan perlawanan pertama seperti ini, saya yakin (boleh capai sasaran). Kehadiran (penjaga gol) David John Harte di pintu gol boleh

menambah keyakinan kepada pemain lain di depan,” katanya.

Sementara itu, jurulatih THT, Muhammad Dharma Raj Abdullah menjelaskan anak buahnya melepaskan peluang yang cukup baik untuk memenangi perlawanan.

“Pada mulanya saya rasa UniKL mungkin pasukan yang sangat mantap, tapi dalam perlawanan ini saya rasa (mereka) tidaklah mantap seperti yang saya jangka.

“Kita mempunyai peluang yang cukup bagus untuk memenangi perlawanan ini, tapi yang membezakan atau membuat kita kalah adalah mengenai pertahanan ketika pukulan sudut penalti yang mana penjaga gol tak dapat membaca pukulan daripada Razie (Abd Rahim).

“Itu yang menjadi perbezaan dan walaupun kita mendapat pukulan sudut penalti, kita tak dapat menyempurnakan peluang itu,” katanya.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	2	0	0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	1	0	0
TNB Hockey Team (TNB Hockey Team)	1	0	0
UKM - internal checking only (UKM - internal checking only)	1	0	0
Universiti Kuala Lumpur (UniKL) (Universiti Kuala Lumpur	6	0	0